

PECAHAN, PERPULUHAN DAN PERATUS

Darab Pecahan

Contoh nombor: $5 \times \frac{2}{3}$

$$= \frac{5}{1} \times \frac{2}{3}$$

$$= \frac{10}{3}$$

$$= 3\frac{1}{3}$$

Tukar nombor bulat kepada nombor bercampur.

Tukar pecahan tak wajar kepada nombor bercampur.

Bundarkan perpuluhan

15.275 dibundarkan kepada:

Satu titik perpuluhan $\rightarrow 15.\overset{+1}{\underset{\curvearrowright}{2}}75 = 15.3$

Dua titik perpuluhan $\rightarrow 15.\overset{+1}{\underset{\curvearrowright}{27}}5 = 15.28$

Tambah dan Tolak Perpuluhan

- Tambahkan **.0** selepas nombor bulat untuk samakan bilangan tempat perpuluhan.
- Titik perpuluhan perlu disusun selajur.
- Selesaikan operasi pertama dalam ayat matematik dahulu.

Darab Perpuluhan

Titik perpuluhan digerakkan ke KANAN.

- $15.275 \times 10 \rightarrow 152.75$
- $15.275 \times 100 \rightarrow 1\,527.5$
- $15.275 \times 1\,000 \rightarrow 15\,275$

Bahagi Perpuluhan

Titik perpuluhan digerakkan ke KIRI.

- $152.75 \div 10 \rightarrow 15.275$
- $152.75 \div 100 \rightarrow 1.5275$
- $152.75 \div 1\,000 \rightarrow 0.15275$

Tukar Nombor Bercampur dan Peratus

$$\bullet \quad 2\frac{3}{4} = \frac{2}{1} + \frac{3}{4}$$

$$= \frac{2 \times 100}{1 \times 100} + \frac{3 \times 25}{4 \times 25}$$

$$= \frac{200}{100} + \frac{75}{100}$$

$$= \frac{275}{100}$$

$$= 275\%$$

Tukar kepada pecahan perseratus